



SPP



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

PERUTUSAN

SETIAUSAHA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakuh,
Salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia serta izinNya, kita Berjaya membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP). Polisi ini bertujuan menggalakkan dan memudahkan warga SPP untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di SPP atau yang melibatkan warga SPP.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan inisiatif 27, Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat di dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SPP 2021-2025 bagi Bidang Keutamaan 3: Pengurusan dan Pentadbiran di bawah Strategi: Memperkasa kompetensi dan integriti pegawai.

SPP sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan dan urusan berkaitan peranan Pihak Berkuasa Melantik dapat dilaksanakan dengan dinamik, efektif dan berintegriti. Pendedahan dan aduan daripada orang awam dan warga SPP amat diperlukan untuk melaporkan kelakuan tidak wajar yang berlaku supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Oleh yang demikian, saya berharap agar polisi yang dihasilkan ini dapat menggalakkan pendedahan ke atas sebarang kelakuan tidak wajar yang menyalahi undang-undang dan peraturan sedia ada di kalangan warga SPP dan menghilangkan kekusaran dalam kalangan Pemberi Maklumat melalui perlindungan sewajarnya mengikut syarat yang telah ditetapkan di dalam polisi ini.

Sekian, salam hormat.

ENCIK MD RADZI BIN HASHIM

SETIAUSAHA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

“ Pendedahan dan aduan daripada orang awam dan warga SPP terhadap kelakuan tidak wajar adalah perlu untuk dilaporkan dalam kadar segera agar tindakan sewajarnya dapat diambil.”



SETIAUSAHA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	5
2.	OBJEKTIF POLISI	7
3.	TAFSIRAN	8
4.	AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]	10
5.	TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI	13
6.	PEMATUHAN POLISI	15
7.	TARIKH KUAT KUASA	15
8.	PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN	16

"SESUNGGUHNYA ALLAH
TIDAK MENGUBAH KEADAAN
SUATU KAUM HINGGA
MEREKA MENGUBAH
KEADAAN YANG ADA PADA
DIRI MEREKA SENDIRI"

- QS AL RA'D 11 -

1. PENGENALAN

- 1.1 Polisi ini merupakan polisi dalaman Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan [SPP] yang menyokong visi dan misi SPP.
- 1.2 Polisi ini merupakan satu kaedah di mana pendedahan dilaksanakan oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam [Kelakuan & Tatatertib] 1993 atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan warga SPP.
- 1.3 Polisi ini dirangka selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat [Akta 711] bagi memaklumkan mengenai perlindungan yang ada diperuntukkan di bawah undang-undang bagi individu atau Pemberi Maklumat yang mendedahkan sesuatu kelakuan yang tidak wajar agar pendedahan boleh dibuat seawal mungkin tanpa rasa gentar.
- 1.4 Polisi ini juga memastikan bahawa individu membuat pendedahan secara bertanggungjawab apabila mengesyaki berlakunya sesuatu perkara yang tidak wajar.

1.5 Polisi ini berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:

- i. Polisi ini selaras dengan inisiatif 27, Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat di dalam Pelan Antirasuah Organisasi [OACP] SPP 2021- 2025 bagi Bidang Keutamaan 3: Pengurusan dan Pentadbiran di bawah Strategi: Memperkasa kompetensi dan integriti pegawai. Ketiadaan polisi ini menyebabkan perasaan takut dan terancam untuk menyalurkan maklumat berkaitan rasuah dan salah laku.
- ii. SPP komited dalam meningkatkan etika kerja dan nilai integriti di kalangan warga SPP semasa melaksanakan tugas. Kesalahan seperti penipuan, penyelewengan, rasuah, kesalahan kewangan yang serius dan kesilapan pengurusan yang melampau perlu dilaporkan mengikut mekanisme pengurusan aduan SPP.
- iii. Polisi ini menjadi pelengkap kepada saluran aduan sedia ada di SPP dan merupakan kaedah alternatif untuk warga SPP memberi maklumat sekiranya saluran aduan sedia ada tidak boleh digunakan apabila aduan adalah berkenaan penyelia terdekatnya atau ketuanya.
- iv. Polisi ini menggalakkan orang awam dan warga SPP untuk tampil sebagai Pemberi Maklumat atau menyalurkan aduan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar warga SPP mengikut prosedur yang ditetapkan.
- v. Polisi ini menunjukkan komitmen SPP dalam mencapai tahap pematuhan undang-undang yang tinggi. Penerapan polisi ini di dalam amalan dan budaya kerja dapat meningkatkan integriti di kalangan warga SPP.

2. OBJEKTIF POLISI

Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- 2.1 Menggalakkan mana-mana orang untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar di kalangan warga SPP.
- 2.2 Memberi jaminan kepada mana-mana orang bahawa terdapat perlindungan daripada **Tindakan Yang Memudaratkan** sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati "*good faith*".
- 2.3 Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan **Kelakuan Tidak Wajar** oleh mana-mana warga SPP.

Pemberi Maklumat dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.

1. **PEMBERI MAKLUMAT** adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.
2. **PEMBERI MAKLUMAT** boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
3. **PEMBERI MAKLUMAT** yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

3. TAFSIRAN

Bagi tujuan polisi ini dan selaras dengan Akta 711, perkataan-perkataan di bawah membawa maksud seperti berikut:

3.1 “Agensi penguatkuasaan”

- i. mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan, agensi kementerian, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- ii. suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau
- iii. suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan.

3.2 “Kelakuan Tidak Wajar” ertinya Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

3.3 “Maklumat Sulit”

- i. maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya
 - a. seseorang pemberi maklumat; dan
 - b. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- ii. maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- iii. maklumat yang, jika didedahkan boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

3.4 “Pemberi Maklumat” ertinya Mana-mana orang yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 [Akta 711].

3.5 “Tindakan Yang Memudaratkan”:

- i. tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- ii. ugutan atau gangguan;
- iii. gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
- iv. suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan i hingga iii.

4. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

4.1 Huraian ringkas Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]:

- i. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 dan telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010. Akta 711 ini bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta.
- ii. Akta 711 ini juga telah digubal untuk melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan.
- iii. Akta 711 ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.
- iv. Akta 711 ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta agensi penguatkuasa boleh menuntut remedi daripada mahkamah termasuklah ganti rugi atau pampasan, injunksi atau relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.
- v. Pemberi maklumat yang layak diberikan perlindungan berdasarkan Akta 711 adalah seperti berikut:

- a. Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh pegawai yang diberi kuasa;
- b. Pemberi maklumat hadir sendiri atau berjumpa dengan pegawai yang diberi kuasa sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat; dan
- c. Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/ email/ panggilan telefon/ khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau dapat dihubungi.

4.2 Antara jenis-jenis perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta 711 adalah:

- i. Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah;
- ii. Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan maklumat tersebut;
- iii. Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang dibuat;
- iv. Pemberi maklumat tidak terjejas sekiranya pendedahan tidak wajar itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatertib atau pendakwaan terhadap orang yang didedahkan; dan
- v. Perlindungan yang diperuntukkan di bawah undang-undang lain terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan maklumat yang diberikan dengan pelakuan kesalahan adalah tidak dibataskan oleh Akta 711.

4.3 Perlindungan Pemberi Maklumat berdasarkan Akta 711 akan dibatalkan oleh agensi penguatkuasa di bawah keadaan seperti yang berikut:

- i. Pemberi maklumat itu sendiri telah menyertai kelakuan tidak wajar yang didedahkan itu;
- ii. Pemberi maklumat dengan sengaja membuat pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu dalam membuat pendedahan kelakuan tidak wajarnya;
- iii. Pendedahan kelakuan tidak wajar itu adalah remeh atau menyusahkan;
- iv. Pendedahan kelakuan tidak wajar mempersoalkan merit dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam;
- v. Pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; atau
- vi. Pemberi maklumat, dalam perjalanan membuat pendedahan itu atau memberikan maklumat lanjut, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 711.

4.4 Permohonan Remedi

Pemberi maklumat boleh membuat permintaan kepada agensi penguatkuasaan dalam tempoh tiga bulan selepas dimaklumkan berkenaan hasil penyiasatan (atau apa-apa tindakan yang diambil berkenaan aduan pemberi maklumat) bahawa pemberi maklumat telah atau akan mengalami tindakan yang memudaratkan akibat daripada aduan yang dibuat olehnya agar agensi penguatkuasa boleh menuntut remedi berikut daripada mahkamah:

- i. Gantirugi atau pampasan;
- ii. Injunksi; atau
- iii. Apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

5. TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

- 5.1 Suatu pendedahan boleh dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai urusan rasmi dengan SPP berhubung mana-mana salah laku berikut yang dilakukan oleh warga SPP:
- i. Rasuah/ penipuan;
 - ii. Kesalahan Jenayah;
 - iii. Salah guna wang atau harta SPP;
 - iv. Kesalahan tata tertib;
 - v. Kesilapan pengurusan wang yang melampau dalam SPP;
 - vi. Ketirisan hasil Kerajaan dan/atau penyelewengan peruntukan Kerajaan dalam SPP;
 - vii. Suatu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga SPP atau orang awam;
 - viii. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuat kuasa; atau
 - ix. Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesalahan/ mana-mana kesalahan di atas. Secara umumnya, semua aduan mengikut polisi ini boleh disalurkan kepada Pegawai Aduan, Unit Integriti.
- 5.2 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tata tertib atau kesalahan jenayah boleh menyalurkan aduan melalui kaedah berikut:



a. Hadir sendiri berjumpa dengan Pegawai Integriti SPP

b. E-mel kepada:



- i. Orang awam: Sistem Pengurusan Aduan Awam [SISPAA], SPP dan integriti@spp.gov.my; dan
- ii. Warga SPP: Sistem Aduan Dalaman di dalam Sistem Operasi Pejabat SPP [e-Opes] SPP



c. Hubungi talian 03 – 8871 7447 / 7356 / 7357

d. Surat Aduan kepada:



Unit Integriti
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan
Malaysia
Aras 4, Blok F9, Kompleks F, Lebuhraya
Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya


6. PEMATUHAN POLISI

Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua warga SPP.

7. TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat SPP berkuatkuasa mulai 27 Januari 2023.

PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN



RUJUKAN

1. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].
2. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam [Kelakuan Dan Tatatertib] 1993/ P.U.[A] 395/1993.
3. GarisPanduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711], Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, 18 Januari 2011.
4. Pelan Antirasuah Organisasi [OACP] Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia 2021-2025.



Unit Integriti
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
E-mel : integriti@spp.gov.my